



KEMENTERIAN KERJA RAYA

TEKS UCAPAN YB MENTERI KERJA RAYA

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

PERHIMPUNAN BULANAN MAC 2024

12 MAC 2024 (SELASA)

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

FOKUS:

TRANSFORMASI SEKTOR PENYENGGARAAN BERTARAF DUNIA

PENDAHULUAN

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani,

1. Syukur kepada Tuhan kerana sekali lagi kita diizinkan untuk bersama-sama pada hari ini di Majlis Perhimpunan Bulanan bagi Bulan Mac 2024.
2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menjalani Ibadah Puasa kepada semua warga KKR yang beragama Islam. Semuga Ramadan dan Puasa tahun ini menjadikan kita seorang insan yang mempunyai sifat kesabaran, kemurahan hati dan daya ketahanan dalam mengharungi hidup sehari-harian begitu juga dalam menjalankan tugas kita di KKR.
3. Masa bergerak sangat pantas dan kini sudah memasuki bulan Ramadan. Tidak lama lagi Hari Raya Aidilfitri dan rakyat segenap lapisan akan balik kampung di mana berjuta kenderaan akan memenuhi semua jenis jalanraya.
4. Kita juga telah melangkau dua bulan dan memasuki bulan ketiga tahun 2024. Kita seharusnya sudah boleh melihat semua “*milestones*” menuju ke arah pencapaian hala tuju dan KPI Kementerian dan agensi-agensi di bawah Kementerian.

Tuan-Puan Warga KKR sekalian,

5. Saya dimaklumkan kali ini penganjaran Perhimpunan Bulanan KKR secara penggiliran antara urusetia induk Bahagian Khidmat Pengurusan dan juga bahagian – bahagian di bawah KKR dan juga agensi dibawahnya. Saya melihat pendekatan ini adalah inisiatif

yang baik dan progresif supaya komunikasi dan keakraban antara pegawai-pegawai di agensi dan bahagian dipertingkatkan. Dengan penggabungan penganjuran agensi dan bahagian juga akan meningkatkan sinergi dan kerjasama antara Kementerian dan agensi.

6. JKR telah membuka tirai sebagai penganjur bersama bagi perhimpunan bulanan kali ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Kerja Raya Malaysia. Saya berkeyakinan JKR akan merintis tanda aras atau "*benchmark*" kepada agensi dan bahagian lain membentuk daya saing yang sihat dan secara tidak langsung memupuk budaya kecemerlangan di Kementerian ini.
7. Mengangkat tema "**Transformasi Sektor Penyenggaraan Bertaraf Dunia**" adalah wajar dan selari dengan visi JKR iaitu menjadi penyedia perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan di dalam pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan demi pembangunan infrastruktur negara melalui modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi yang terkini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

PROGRAM MYJALAN MEMPERKASA SEKTOR PENYENGKARAAN NEGARA

8. Dalam pembangunan Malaysia Madani yang berorientasikan masa depan yang maju, terampil dan terangkum, KKR telah berjaya mempertingkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif "*touchpoints*". Program MyJalan adalah salah satu inisiatif yang baharu diperkenalkan. Visi saya ialah

melestarikannya sehingga ianya menjadi sebahagian dari kehidupan pengguna jalanraya Malaysia. Dengan ini *Whole of Nation approach* menjadi kenyataan di mana rakyat terlibat secara aktif dalam setiap inisiatif kerajaan terutama yang melibatkan infrastruktur awam.

9. Untuk itu saya ingin memperkenalkan “MyJalan datang ke tempat anda”. Ia akan menjadi pemangkin kepada kerjasama strategik semua pihak yang terlibat dalam pengurusan infrastruktur jalan raya dan lebuh raya. **No Wrong Door Policy** seharusnya akan diikuti dengan **Synergy in Action** atau **Sinergi Dalam Tindakan**. Saya berkeyakinan JKR telah melaksanakannya di mana sebagai “Abang”, JKR Malaysia dan Negeri sentiasa mengadakan libat urus dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab menyenggara jalan-jalan bandaran dan negeri di PBT dan Agensi berkenaan di peringkat negeri.
10. Saya ingin cadangkan supaya KKR dan setiap agensi di bawahnya bekerjasama mengadakan sesi pertemuan, seminar atau engagement programme bersama semua pemegang taruh yang terlibat dalam sektor penyenggaraan jalan raya di negara kita. Tujuannya adalah untuk menerangkan secara terperinci berkenaan Program MyJalan terutamanya dalam isu aduan melibatkan laluan di bawah tanggungjawab pihak berwajib yang lain. Dengan wujudnya *close-loop* antara aduan yang diterima, penyaluran aduan dan penyenggaraan, barulah MyJalan ini boleh diiktiraf **total solution** dalam penyenggaraan jalan raya. Ini secara tidak langsung semua pihak yang terlibat dalam sektor penyenggaraan jalan raya ini di negara kita akan bersama-sama memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk memastikan keadaan jalan raya di

seluruh negara berada dalam keadaan yang terbaik, selamat dan selesa.

11. Sewaktu pertemuan saya dengan YAB Dato' Onn Hafiz Bin Ghazi, Menteri Besar Johor pada Februari lalu, beliau menyatakan sokongan dan menyambut baik program ini serta mengalu-alukan agar program ini diadakan bermula di negeri Johor. YAB Menteri Besar Johor ini terkenal sebagai seorang pemimpin yang rajin 'terjah dan turun padang' demi memastikan khidmat segera dan tuntas kepada rakyat. Saya melihat ini peluang yang terbaik dalam memantapkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri. Selain negeri Johor, YAB Dato' Seri Hj.Aminuddin Bin Harun Menteri Besar Negeri Sembilan, turut memberikan maklum balas positif dan menyambut baik hasrat Program MyJalan ini. Saya berharap cadangan saya di peringkat *working-level* diberi pertimbangan yang sewajarnya.
12. Baru – baru ini juga saya telah terlibat dalam sesi dialog awam bersama Jurutera Daerah JKR. Seramai 86 orang Jurutera Daerah JKR, melibatkan 11 negeri telah hadir ke sesi dialog ini. Sesi dialog dua hala yang julung kali diadakan ini adalah selaras dengan aspirasi Program MyJalan dalam usaha meningkatkan ketangkasan penyelesaian aduan dan kerja-kerja penyenggaraan jalan melalui pemerkasaan fungsi Jurutera Daerah dan Jurutera Jajahan.
13. Menerusi pengukuhan peranan Jurutera Daerah dan Jurutera Jajahan sebagai jentera pelaksana di daerah dan jajahan ini sudah pasti dapat mewujudkan lebih ramai tenaga pakar yang dapat

membantu kepada pembangunan infrastruktur dan dengan menyediakan fasiliti yang terbaik untuk rakyat.

14. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta dalam Belanjawan 2024 yang memperlihatkan penambahan peruntukan daripada RM 100 ribu pada tahun 2023 kepada RM 200 ribu untuk 115 Jurutera Daerah dan Jurutera Jajahan seluruh Malaysia. Semoga semua Jurutera Daerah dan Jajahan yang terlibat kini melaksanakan tugas mereka dengan lebih cekap, berintegriti dan amanah.
15. Selain itu, saya ingin lihat syarikat konsesi yang telah diberikan tanggungjawab menyenggara Jalan Persekutuan menjadi pihak pertama yang bertindak di lapangan tanpa menunggu aduan. ***BE THE FIRST ON THE SCENE.*** Saya tegaskan di sini *Jangan Tunggu Isu Viral Baru Bertindak.* Sentiasa proaktif membuat pemantauan. Sentiasa progresif dalam membuat tindakan.
16. Alasan peruntukan sering diutarakan apabila masyarakat bertanyakan berkenaan status pembinaan dan juga penyenggaraan jalan raya. Saya memahami situasi peruntukan yang kita hadapi, namun usaha padu perlu terus dilaksanakan bagi memastikan kita dapat memberikan perkhidmatan yang sehabis baik, semampu mungkin dalam merencana agenda memperkasa sektor penyenggaraan menerusi Program MyJalan ini. Sentiasa bersedia dengan perancangan dan kepalbagaian strategi. Saya yakin apabila kita komited, ketika itu kita telah memiliki justifikasi terbaik dan akan mendapat pertimbangan wajar bagi memperolehi penambahan peruntukan yang kita mohon.

Tuan / Puan hadirin yang saya hormati sekalian,

PENGURUSAN ADUAN

17. Seperti yang kita sedia maklum, kerja-kerja menerima aduan secara langsung atau menerusi platform maya bukanlah perkara mudah. Ianya kerana menerusi aduan, kita berhadapan dengan emosi dan kerenah pengadu yang pelbagai. Ada pengadu yang tenang, ada pengadu yang agresif pemaarah, ada juga yang bersikap terbuka dan tak terkecuali yang bersikap sinis dan suka mencabar. Emosi-emosi ini perlu dihadapi secara professional agar kita tidak mudah disalah ertikan. *We cannot always control everything that happens to us in this life, but we can control how we respond.* Setinggi – tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pasukan aduan KKR, JKR, LLM dan CIDB. Kita bekerja untuk rakyat, kita laksanakan tanggungjawab dan galas amanah ini dengan kuat dan cekal.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

KE ARAH PENDIGITALAN SEKTOR PENYENGGARAAN

18. Pendigitalan menjadi pemangkin penting dalam memudahkan pemulihan dan pertumbuhan mampan sesebuah negara. Malaysia juga tidak terkecuali telah menunjukkan komitmennya terhadap pembangunan sosio ekonomi melalui digitalisasi. Semua sektor termasuk sektor pembinaan dan penyenggaraan perlu mengadaptasi proses digitalisasi ini supaya rakyat dapat menikmati manfaat daripada usaha tersebut.

19. Jalan menuju ke arah transformasi digital ini bukanlah mudah. Antara cabaran besar adalah meningkatkan kemahiran tenaga kerja. Memperkenalkan teknologi baru memerlukan tenaga kerja yang mahir dalam penggunaannya. Program latihan dan inisiatif pembangunan kemahiran adalah penting untuk memastikan setiap ahli pasukan dapat memanfaatkan potensi teknologi sepenuhnya.
20. KKR juga telah mengambil langkah proaktif dengan membangunkan platform data raya yang akan menggabungkan 2 sistem iaitu sistem dokumentasi yang dikenali sebagai **Centralised Construction Repository (CRR)** dan sistem data **National Centralised Construction Data Repository (NCCDR)**. Platform data raya yang dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2027 akan dikenali sebagai *National Construction Information Platform (NCIP)*.
21. Selain itu KKR juga berhasrat melaksanakan program Sandbox Infrastruktur Jalan Pintar dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Menerusi kerjasama ini ianya mampu membantu untuk menyelesaikan pelbagai isu berkaitan jalan raya, termasuk perabot jalan. Ia tentu sahaja selari dengan aspirasi Malaysia Madani yang menekankan transformasi digital. Program Sandbox ini akan menjadi platform bagi mengintegrasikan teknologi, kajian pembinaan dan penyelenggaraan jalan agar dapat dilaksanakan secara inklusif di seluruh negara.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

PENUTUP

22. Kita perlu terus peka bahawa sesungguhnya ekspektasi rakyat telah berubah. Rakyat inginkan tranformasi dalam tatakelola perkhidmatan awam. Mutu perkhidmatan tidak boleh berada pada tahap yang sama dan kita tidak boleh sentiasa membiarkan diri kita selesa dengan perkara-perkara sedia ada.
23. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada hari ini, ingin saya menyeru kepada seluruh warga KKR dan agensi supaya menjadi agen publisiti dalam mempromosikan agenda, dasar, program dan segala inisiatif yang dilaksanakan di Kementerian dan jabatan Tuan/Puan semua. Sampaikan kepada masyarakat umum apa yang kita lakukan, betulkan segala persepsi salah mengenai Kementerian dan jabatan Tuan/Puan sekalian. Kita telah berusaha keras bersama-sama menjayakan pelbagai inisiatif dan program, jangan berasa malu untuk berkongsi maklumat ini dengan saudara mara dan sahabat handai. Kita kuat apabila kita bersama.

“Together we are stronger; together we are unbroken; together we can do anything.”

Sekian, terima kasih.